

# Hampir 10,000 pengunjung dijangka hadir MI2010

BATU PAHAT 24 Sept. – Hampir 10,000 orang dijangka mengunjungi Karnival Malaysia Inovatif (MI2010) Zon Selatan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selama dua hari yang akan bermula esok.

Pengurus Jawatankuasa Promosi dan Media MI2010, B. Supramaniam Appasamy berkata, pihaknya telah menjalankan pelbagai promosi selain pengisian program yang diyakini dapat menarik perhatian ramai.

Katanya, selain hebahan menerusi media, pihaknya menggunakan strategi promosi melalui iklan di teks dan pendedaran tiket cabutan bertuah kepada ketua-ketua kampung serta kakitangan Jabatan Penerangan untuk diedarkan kepada orang ramai.

“Hari ini konvoi 20 teksi di daerah ini yang dilengkapi iklan promosi MI2010 dilepaskan beramai-ramai untuk menghebahkan program itu kepada penduduk di Batu Pahat.

“Kita juga menyediakan 10,000 tiket karnival secara percuma yang akan diedarkan kepada orang ramai yang menawarkan lebih daripada 100 hadiah cabutan bertuah menarik termasuk televisyen,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelepasan

Antara program menarik MI2010 Zon Selatan hari ini adalah:

- Bengkel Inovatif: Bengkel Mega Ke Arah Rakan Inovasi oleh Zul Design - *Utusan Malaysia* di Dewan Peperiksaan Blok F2, UTHM bermula 9 pagi - 5 petang
- Pendaftaran peserta Program Cabaran Angkasawan di Pekarangan Dewan Terbuka UTHM bermula 8 pagi - 8 malam
- Ceramah Interaktif oleh Angkasawan Negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed di Dewan Kuliah 1 UTHM bermula 9 pagi - 10.30 pagi
- Malam Kreativiti Muzikal di Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM bermula 8 malam - 10.30 malam

konvoi 20 teksi untuk menghebahkan MI2010 zon selatan di Kompleks Niaga Benteng di Peserai di sini semalam yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerah, Datuk Ariss Samsuddin.

*Utusan Malaysia* turut menganjurkan bengkel inovatif bertajuk ‘Bengkel Mega Ke Arah Rakan Inovasi’ yang akan dikendalikan oleh pereka cipta terkenal negara, Zul Design di Dewan Peperiksaan Blok F2, UTHM bermula 9 pagi hingga 5 petang Sabtu ini.

Antara program yang dijangka men-



ARISS Samsuddin (kiri) melepaskan konvoi teksi yang membawa hebahan dan promosi acara Karnival Malaysia Inovatif Zon Selatan di Peserai, Batu Pahat, semalam.

jadi tarikan utama karnival adalah ceramah interaktif oleh Angkasawan Negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed di Dewan Kuliah 1 UTHM pada Sabtu ini bermula 9 pagi hingga 10.30 pagi.

Orang ramai juga dijemput menyertai program Cabaran Angkasa-

wan untuk merasai saringan dan ujian yang perlu dilalui untuk menjadi angkasawan.

Pendaftaran percuma program Cabaran Angkasawan dibuka pada Sabtu ini di pekarangan Dewan terbuka UTHM bermula 8 pagi hingga 8 ma-

lam dan terbuka kepada semua yang berminat.

Lebih menarik, tiada bayaran masuk dikenakan justeru orang ramai tidak seharusnya melepaskan peluang untuk mengunjungi MI2010 Zon Selatan.

